

**Tiada keperluan pinda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan
Utusan Online
16 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 15 Mac - Kerajaan hari ini menegaskan tiada keperluan bagi pihaknya untuk meminda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan bidang kuasa kehakiman buat masa ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, mahkamah-mahkamah terutamanya mahkamah di peringkat tinggi adalah tunggak Perlembagaan Persekutuan yang berdiri secara terasing dan bebas.

Ia juga, menurut beliau, sekali-kali tidak menjadi ejen undang-undang Persekutuan.

"Dalam menjalankan tugas mereka, hakim-hakim melakukan pelbagai fungsi dan mentafsir serta melaksanakan pelbagai undang-undang. Oleh itu, Perkara 121 bukanlah dan tidak boleh menjadi sumber tunggal peranan badan kehakiman di negara ini.

"Justeru, adalah jelas tiada keperluan bagi kerajaan untuk memindanya (Perkara 121) ketika ini," katanya dalam jawapan bertulis kepada **Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor)** yang bertanya sama ada kerajaan bersedia bekerjasama dengan pembangkang untuk membentuk majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat bagi meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan kuasa kehakiman kepada badan kehakiman.

Mohamed Nazri berkata, doktrin pengasingan kuasa dan kebebasan kehakiman sebagai ciri asas dalam Perlembagaan Persekutuan juga tidak terjejas dengan pindaan pada Perlembagaan Persekutuan 1988.

"Perkara itu telah diputuskan dalam kes PP lawan Kok Wah Kuan (2007) 6 CLJ 341.

"Dalam kes tersebut, Hakim Besar Sabah dan Sarawak menyatakan bahawa pindaan asal Fasal (1) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan tidak bermaksud bahawa mahkamah-mahkamah ini hanya menjadi ejen yang tunduk secara mekanikal kepada setiap perintah dan kehendak undang-undang Persekutuan," jelasnya.

Beliau berkata, Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak serta mahkamah bawahan yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan.

Katanya, mahkamah-mahkamah tinggi dan bawahan itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0316&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_02.htm